

HARI : SABTU  
TARIKH : 8/6/2019  
M/SURAT : 10

## Minda Pengarang

### Pengguna perlu bijak elak ditipu

**M**embimbangkan apabila kes penipuan pembelian dalam talian dilapor meningkat saban tahun, ketika dunia semakin beralih kepada saluran jual beli maya yang diakui lebih selesa dan mudah itu. Banyak puncanya, namun yang pasti ruang penipuan terbuka luas andai membabitkan peniaga individu.

Peniaga individu - biasanya menggunakan saluran media sosial khususnya Facebook - jarang nak layan kerena khususnya rungutan pelanggan, malah dasar 'refund' atau pembayaran balik tiada dalam kamus mereka. Jika timbul masalah dalam pembelian, pengguna yang tersepit dan peniaga 'lesap' begitu sahaja.

Ini jarang berlaku melalui platform jual beli berdaftar. Sebab itulah, kita setuju semua peniaga dalam talian disyaratkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Jika penipuan berlaku, ia lebih mudah ditangani.

Selain itu, mungkin boleh disyaratkan agar tiada pembayaran terus dilakukan pembeli kepada peniaga, sebaliknya ditetapkan pilihan melalui pihak ketiga yang diyakini. Bayaran kepada peniaga hanya akan dilepaskan sekiranya pengguna berpuas hati dengan barang diterima dan pembayaran balik dibenarkan jika berlaku masalah.

Ketetapan ini sudah dipraktik platform jual beli berdaftar, namun tidak peniaga individu. Tidak salah membeli daripada peniaga individu yang diyakini, namun saluran berdaftar lebih terjamin keselamataninya. Harganya pun tidak jauh beza.